

ETIKA ISLAM DALAM PENJAGAAN AURAT: KAJIAN DALAM MEDIA SOSIAL

Noor Syakirah Binti Abdul Rashid¹
Amirah Nazifah Binti Isnaini²
Nur Suwaibah Binti Mohammad Mahi³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syakirash00@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: amirahnazifah6@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: suwaibahhh1234@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Media sosial pada zaman kini makin giat digunakan dan sudah tidak asing lagi. Begitu juga dengan aurat yang merupakan bahagian anggota badan sama ada lelaki atau perempuan yang wajib ditutup dan haram untuk dipamerkan atau dilihat oleh umum. Aurat di dalam media sosial hendaklah perlu dijaga sebagaimana yang telah dituntut oleh syarak. Namun ada sesetengah golongan yang mengambil mudah tentang penjagaan aurat di dalam media sosial. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji dan mendalami tentang tatacara atau etika penjagaan aurat sebagaimana yang digaris dalam al-Quran dan hadis meskipun dalam dunia maya. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Potongan daripada ayat suci al-Quran serta hadis sahih juga dijadikan sebagai rujukan utama di dalam kajian ini. Hasil kajian ini dapat memberikan fahaman yang lebih jelas tentang batas dan juga hukum sekiranya tidak menutup aurat secara sempurna serta mendedahkannya untuk tatapan umum yang boleh mengundang pelbagai perkara buruk. Kesimpulannya, aurat di dalam media sosial juga perlu dijaga serta sikap wara' dan berhati-hati hendaklah diutamakan.

Kata kunci: Aurat, al-Quran, hadis, Syarak, Media Sosial

Pengenalan

Manusia semakin kearah kemajuan dan kemodenan yang sehingga menyebabkan pola perubahan hidup juga berubah. Banyak unsur negatif juga mula timbul dan tidak terlepas juga memberikan kesan kepada umat Islam di seluruh dunia. Umat Islam semakin hanyut dibawa arus kemodenan dunia masa kini sehingga terpesong jauh dari kehidupan sunnah dan penerapan Islam yang dibawa oleh junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Dalam dunia yang kini manusia mempamerkan segala kemewahan dan kemegahan mereka seperti pangkat, harta, gaya hidup yang bebas dan sebagainya yang menjadi rutin biasa dalam kehidupan seharian mereka. Pelbagai teknologi yang lahir pada masa kini seperti laman-laman web, akses internet dan sebagainya yang sedikit sebanyak menjadi penyumbang penyebab berlakunya masalah ini tambahan pula dengan pelbagai aplikasi yang wujud seperti instagram, twitter dan lain-lain.

Dengan munculnya berbagai platform aplikasi ini merupakan tanda bahawa era digital pada masa kini semakin merajai pengguna smartphone. Apa yang berlaku ini telah menimbulkan kebimbangan yang mendalam kepada para alim ulama dan berasa kluatir terhadap senario yang sedang berlaku. Kajian-kajian ilmiah perlu dijalankan bagi mendalami masalah yang sedang melanda dan berusaha memberikan jalan penyelesaiannya menurut landasan Islam. Atas dasar inilah, kajian berkenaan etika menjaga aurat di dalam media sosial ini dijalankan.

Penyataan Masalah

Kesannya, pelbagai masalah daripada penggunaan media sosial juga mula muncul. Masalah penyakit hati juga boleh menjadi punca utama daripada penggunaan media sosial seperti ingin mempamerkan kejayaan, kekayaan serta kemewahan dengan tujuan untuk riak atau bangga dan sebagainya. Media sosial boleh menjadi tunjang utama tempat tersebarnya berita fitnah, ghibah dan berita (bohong = *hoax*).

Tambahan pula, ia juga boleh terjadi tempat utama maksiat pada masa kini kerana memaparkan atau melihat gambar-gambar dan juga video yang tidak menutup aurat dan tidak senonoh. Perbuatan-perbuatan ini sangat jauh dari perintah ajaran Islam yang menyuruh umatnya untuk menundukkan pandangan dan menyebabkan manusia telah membuat dosa tanpa sedar. Dari kajian Carton (2018), mengatakan bahawa fenomena media sosial di tengah zaman yang penuh kecanggihan teknologi komunikasi di dunia maya ini sangat memainkan peranan penting dalam aktiviti bersosial setiap individu.

Persoalan Kajian

Ini menimbulkan beberapa persoalan seperti adakah aurat di dalam media sosial juga perlu dijaga sepertimana di luar media sosial seperti yang dituntut oleh Islam serta bagaimanakah aurat yang perlu dijaga ketika menggunakan media sosial.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui tuntutan menutup aurat seperti yang diajar oleh Islam meskipun di dalam media sosial dan batas-batas aurat menurut syariat seperti yang disebut di dalam Al-Quran dan Hadis Nabi saw. Hasil dari kajian dan penelitian ini diharapkan dapat menyedarkan masyarakat terutama umat Islam bahawa di dalam media sosial juga aurat lelaki dan perempuan perlu ditutup agar dapat mengelakkan pelbagai perkara negatif serta menjadi umat Islam yang beradab dan bermartabat.

Tinjauan Literatur

Masyarakat masih keliru tentang konsep menutup aurat. Mereka beranggapan cukup sekadar memakai pakaian sederhana asalkan menutup badan. Ini bermakna ramai masyarakat Islam tidak mengikut prinsip syariat Islam dan beranggapan menutup aurat adalah sesuatu yang meremehkan. Kajian yang dilakukan oleh Siti Nurliyana Ali (2006), bertajuk 'Penerimaan Terhadap Tuntutan Syarak Tentang Aurat Di Kalangan Wanita. Kajian terhadap pelajar tahun lima Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia' mendedahkan pelajar tersebut memahami apa yang sepatutnya sebagai aurat walaupun tidak mengetahui kepentingan saintifik menutup aurat. Mereka juga tahu apa yang dikatakan aurat contohnya kewajipan bertudung, tidak memakai mini skirt dan sebagainya.

Selain itu, menurut Aziz & Makhsin (2021), ramai remaja terpengaruh dengan paparan yang dikongsikan di media sosial dan ini memberi kesan negatif kepada tingkah laku mereka di rumah mahupun di sekolah. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan kekerapan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar kolej komuniti dan hubungan antara penggunaan media sosial dengan pelbagai bentuk tingkah laku. Pengkaji hanya melihat tiga jenis media sosial iaitu Facebook, YouTube, dan Instagram. Dapatan yang telah dikenal pasti menunjukkan bahawa terdapat banyak kelebihan dan kekurangan bagi remaja menggunakan media sosial secara khusus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak kebaikan dan keburukan menggunakan media sosial untuk remaja, terutamanya berkaitan topik yang sedang dipertimbangkan.

Di samping itu, kajian Juminem (2019), mengatakan bahawa muslim bersosialisasi dengan menggunakan media sosial perlulah menjunjung tinggi adab dengan saling menghormati sesama mahluk ciptaan Allah. Artikel ini menganalisis bagaimana adab bermedia sosial dalam pandangan Islam. Namun artikel ini hanya menekankan tentang adab di dalam media sosial sahaja.

Justeru, menurut Syarifah et.al cara mengatasi pakaian yang tidak menutup aurat adalah dengan menumbuhkan kesadaran di kalangan wanita muslimah tentang kewajiban menutup aurat dengan memberikan pemahaman yang cukup mengenai aurat, kewajiban menutupnya dan adab berpakaian dalam Islam. Hal ini kerana, meski masih ada wanita muslimah yang menunjukkan cara berpakaian yang sesuai syariat, tapi jumlahnya relatif sedikit dibandingkan yang belum sesuai.

Akhir sekali, menurut pendapat Zulkifli, S.R. (2016), hijab bukanlah punca yang menyebabkan kepada kemunduran dan jumudnya seseorang. Bahkan, perkembangan ilmu sangat pesat pada zaman Rasulullah SAW. Pada ketika itu arahan berhijab juga baru saja diwajibkan ke atas semua muslimah. Hijab itu sebagai pembenteng diri dari sifat tercela bagi kaum wanita dan lelaki. Hijab itu juga bertindak sebagai penunduk mata lelaki dan perisai sifat malu bagi wanita.

Penjagaan Aurat Menurut Islam

Aurat (عورة) ialah perkataan Islam yang merujuk kepada bahagian badan, sama ada lelaki atau perempuan, yang tidak boleh dibuka atau dipamerkan. Dengan kata lain, bahagian tubuh yang wajib ditutup dan disembunyikan daripada individu bukan mahram. Selain itu, aurat ialah bahagian yang menjadi aib pada tubuh badan yang wajib ditutup dan haram dilihat oleh orang lain. Aurat berasal daripada perkataan Arab, "عورة" yang bermaksud keaiban. Menurut istilah fikah, aurat ialah bahagian tubuh badan yang wajib ditutup dan dilindungi daripada pandangan. Ia sesuatu anggota badan yang wajib ditutup dan disembunyikan dan haram orang bukan mahram melihatnya. Menutup aurat adalah wajib ke atas setiap Muslim, tidak kira lelaki atau perempuan. Kewajipan menutup aurat ini berdasarkan kepada dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis.

Hukum menutup aurat adalah wajib tidak kira bagi lelaki atau wanita. Sebenarnya, terdapat banyak dalil tentang kewajipan menjaga aurat bagi wanita. Antaranya ialah: Dalam Surah al-A'raf (26), Allah berfirman yang bermaksud:

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).”

Aurat adalah kehormatan diri bagi seseorang yang wajib dijaga dan dipelihara sepanjang masa. Menjadi satu kewajiban bagi seorang umat Islam menutup auratnya dalam apa jua keadaan. Terdapat beberapa keadaan dalam Islam di mana masyarakat Islam dibenarkan membuka aurat, tetapi hanya untuk orang tertentu sahaja.

Penjagaan Aurat Dalam Media Sosial Kewajipan Menjaga dan Menutup Aurat Dalam Media Sosial

Seperti mana yang diketahui, menutup aurat merupakan satu kewajiban agama yang perlu dituruti oleh semua umat Islam mahupun lelaki atau perempuan. Allah S.W.T telah mewajibkan lelaki dan perempuan untuk menutup aurat mereka berdasarkan dalil-dalil daripada Al-Qur'an, hadis dan kesepakatan para ulama. Tuntutan menutup aurat bukan sahaja di dunia luar bahkan di dalam alam maya juga aurat adalah wajib ditutup dan dijaga dengan sempurna. Media sosial seperti Whatsapp, Instagram, Facebook, Twitter dan Tiktok merupakan platform yang biasa digunakan oleh manusia secara global. Oleh kerana demikian, tuntutan dalam menutup dan menjaga aurat tidak boleh dipandang ringan oleh umum terutama bagi umat Islam.

Aktiviti memuat naik video dan gambar dalam media sosial adalah tidak salah, tetapi haruslah ada batasannya untuk menjaga adab-adab menutup dan menjaga aurat dalam Islam. Allah SWT juga telah memerintahkan kita agar sentiasa memelihara dan menjaga pandangan daripada melihat perkara-perkara yang haram. Oleh itu, kita mestilah menjaga aurat dengan sempurna seperti yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T.

Justeru, sekiranya seseorang itu melihat gambar atau video wanita yang mendedahkan aurat dalam media sosial, ia akan membuatkan dosa pemilik tersebut terus mengalir walaupun telah meninggal dunia. Benarlah bahawa, pentingnya dalam menjaga aurat sepertimana yang diperintah oleh Allah dalam Al-Quran dan Hadis.

Isu Pendedahan Aurat Dalam Media Sosial

Pada zaman moden ini, segolongan individu khususnya perempuan tidak lagi menitikberatkan tentang aurat yang perlu dijaga meskipun di dalam media sosial. Seperti contoh, mereka memuat naik gambar dan video yang menampilkan aurat untuk mengejar popular, tontonan dan juga pengikut dalam akaun media sosial mereka. Tambahan pula, pemahaman masyarakat dalam penjagaan aurat semakin cetek. Mereka sering mempertikaikan apa yang ditegur oleh masyarakat untuk menutup aurat dengan sempurna. Hal ini menyebabkan mereka terus lalai dan tidak mengendahkan teguran masyarakat.

Selain itu, apa yang menyedihkan lagi ialah cara atau trend berpakaian segolongan perempuan yang tidak menepati dengan apa yang digariskan oleh syarak. Pakaian yang mereka pakai bukan untuk menutup aurat, sebaliknya hanya menampal sebagai perhiasan semata-mata agar dipandang cantik dan bergaya. Hal ini kerana, ramai yang beranggapan bahawa memadai apabila dia memakai tudung sahaja, maka sudah bermakna dia menutup aurat. Sedangkan pakaian yang dipakai nyata masih tidak menepati tuntutan menutup aurat sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak. Kesannya, ia akan merosakkan imej wanita pada masa kini dan masa akan datang atas sebab pendedahan aurat yang tidak dipedulikan oleh segelintir wanita dalam media sosial.

Dalam isu lain, golongan wanita juga kian terlupa dan pura-pura tidak tahu bahawa semua anggota tubuh badan merupakan aurat kecuali muka dan tapak tangan. Walaupun terdapat masyarakat yang tidak lekang dalam menegur mereka, tetapi mereka tetap dengan beralasan untuk tidak menjaga aurat dengan sempurna. Hal ini akan menyebabkan generasi yang baharu akan mudah terpengaruh dan terikut dengan fesyen dan trend pakaian yang tidak menepati syariat seperti mereka.

Jelaslah bahawa, isu pendedahan aurat dalam media sosial ini sangat hangat yang berlaku dalam kalangan wanita Islam di Malaysia dan juga negara lain.

Kaedah Mengatasi Masalah Penjagaan Aurat Dalam Media Sosial

Setiap umat Islam sememangnya diwajibkan untuk menutup aurat dengan sempurna, tetapi kebanyakan daripada mereka mengambil ringan tentang hal ini disebabkan oleh peredaran zaman dan gaya fesyen terkini. Oleh itu, masalah ini perlu diatasi dengan beberapa kaedah untuk meningkatkan kefahaman dalam masyarakat Islam tentang etika penjagaan aurat yang mengikut syariat Islam.

Antaranya ialah kaedah penyebaran dakwah melalui penulisan dan video dalam media sosial. Menurut Dr Abu Bakar Abdul Majeed (2005) dalam artikelnya mengatakan bahawa media dan Internet merupakan satu sistem komunikasi canggih, pantas dan berkesan untuk menyampaikan maklumat dan penyebaran dakwah menerusi media elektronik. Internet juga tidak mengenal sempadan kerana menjadi info-struktur terunggul dalam media komunikasi sejagat.

Justeru itu, saluran Internet dapat digunakan bagi tujuan penyebaran ilmu dan maklumat secara optima, termasuklah usaha-usaha menyampaikan dakwah. Hal ini juga disebabkan generasi moden hampir kesemuanya mempunyai telefon bimbit sendiri dan mengikut perkembangan teknologi terkini. Oleh itu, kaedah ini menjadi inisiatif yang terbaik kerana media dan teknologi merupakan satu pendekatan yang dapat mudah mempengaruhi masyarakat dan memberi satu peluang terbaik kepada umat Islam untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada keburukan. Jelaslah bahawa kaedah ini dapat membantu menyedarkan masyarakat Islam untuk menjaga aurat dengan sempurna walaupun di dalam media sosial.

Selain itu ibu bapa juga berperanan besar dalam memberi Pendidikan kepada anak-anak tentang ajaran Islam berkenaan dengan aurat. Dalam aspek pendidikan hijab kepada anak-anak khususnya anak perempuan, ibu perlu mempunyai ilmu berkaitan dengan kewajipan menutup aurat atau berhijab ini sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Nur, ayat 31. Tambahan lagi, ibu bapa perlu memantau sosial media anak-anak mereka. Zaman sekarang, kanak-kanak bawah umur turut bermain gajet dan sosial media. Mereka memuat naik gambar dan video mereka tanpa menutup aurat dengan sempurna. Hal demikian menyebabkan berlakunya penyebaran aurat tanpa sengaja yang tidak diketahui ibu bapa. Berpakaian menutup aurat dan memenuhi ciri-ciri Melayu Islam perlu dipraktikkan kepada kanak-kanak sejak mereka masih kecil lagi. Keadaan ini akan memudahkan mereka untuk membiasakan diri dan tidak kekok untuk memakai pakaian menutup aurat apabila mereka sudah mencapai akil baligh. Oleh sebab itu, ibu bapa perlulah mempunyai pengetahuan agama untuk mendidik anak-anak mereka. Ibu bapa juga perlu menjadikan diri mereka sebagai model supaya anak-anak dapat mencontohi cara pemakaian ibu bapa mereka yang menutup aurat bukannya menjadikan artis sebagai idola atau model mereka. Hal ini kerana, anak-anak sentiasa memerhati dan meniru perlakuan ibu bapa mereka. Jelaslah bahawa didikan agama daripada ibu bapa sangatlah penting bagi membentuk peribadi anak-anak kerana wujud cabaran-cabaran di era moden ini.

Justeru, masyarakat juga memainkan peranan penting dalam membangunkan budaya berpakaian yang memelihara budi pekerti Melayu Islam. Usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam menutup aurat, masyarakat hendaklah mengamalkan pemakaian yang sesuai dengan norma agama dan perlu dicontohkan dalam media sosial. Hal ini kerana, masyarakat yang prihatin boleh membantu melahirkan generasi yang sekarang untuk berpakaian menjaga aurat di dalam media sosial. Masyarakat juga boleh menganggap anak-

anak jiran mereka seperti anak sendiri dan menegur mereka jika mereka melakukan kesilapan. Mereka akan bertanggungjawab bersama untuk membimbing anak-anak jiran mereka. Hal demikian kerana ibu bapa tidak lagi boleh mengawal pergerakan anak-anak ketika berada di luar. Contohnya, influencer dalam media sosial sangat berpengaruh untuk memberi contoh yang baik dalam mengatasi masalah pendedahan aurat dalam media sosial. Oleh itu, cara berpakaian dalam media sosial perlulah dijaga dan ditutup dengan sempurna mengikut syariat Islam.

Benarlah bahawa, kaedah-kaedah ini perlu diaplikasikan pada zaman moden ini untuk menerapkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat Islam untuk menjaga aurat dengan sempurna di dunia realiti ataupun alam maya.

Syariat Menutup Aurat Dalam Al-Quran

Kewajipan menutup aurat telah disebut oleh Allah Ta'ala di dalam al-Quran di beberapa tempat. Antaranya, Allah Ta'ala berfirman :

Maksudnya: “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).” (Surah Al-A'raaf : Ayat 26)

Seterusnya, Allah Ta'ala juga menyebut dalam surah Al-Ahzab :

Maksudnya : Hai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin : “Hendaklah mereka menghulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka”. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (al-Ahzab : 59)

Di samping itu, Allah menyebutkan tentang perintah menutup aurat dalam surah Al-Nur:

Maksudnya : Katakanlah kepada wanita yang beriman : Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya... (al-Nur: 31)

Hal ini merupakan perintah kepada hambaNya untuk menutup aurat tidak kira lelaki mahupun perempuan supaya dapat memelihara kehormatan mereka. Menutup aurat bukanlah semata-mata tidak menampakkan anggota badan kecuali muka dan tapak tangan, tetapi syariat Islam telah menetapkan beberapa syarat pada pakaian wanita Muslimah. Setiap syarat ini perlu dipatuhi supaya ianya memenuhi maksud menutup aurat itu sendiri. Jika salah satu syarat ini tidak dilaksanakan oleh seseorang wanita itu, maka ia tidak dikira sebagai menutup aurat.

Oleh itu, umat Islam mestilah menyahut seruan Allah ini kerana ia merupakan tanda keimanan, kehambaan serta kepatuhan kepadaNya.

Syariat Menutup Aurat Dalam Hadis

Terdapat beberapa dalil dari hadis tentang perintah untuk menutup aurat. Antaranya adalah:

Sabda Rasulullah SAW: “Orang lelaki tidak boleh memandang kepada aurat lelaki dan perempuan tidak boleh melihat kepada aurat orang perempuan. Tidak boleh dua orang lelaki berada (tidur) dalam satu selimut tanpa pakaian dan begitu juga dengan wanita, mereka dilarang berbuat demikian.” (Riwayat Muslim, Abu Daud dan Tirmizi)

Wahai Asma', sesungguhnya seorang wanita, apabila telah baligh (mengalami haid), tidak layak tampak dari tubuhnya kecuali ini dan ini (seraya menunjuk muka dan telapak tangannya). (HR Abu Dawud).

Hadis kedua yang bermaksud "Tutuplah auratmu kecuali dari istrimu atau budak perempuanmu . (HR. At-Tirmidzi).

Selain itu, hadis ketiga yang diriwayatkan Abu Dawud adalah Hadits Riwayat Abu Daw

Artinya, "Wahai Asma', sesungguhnya seorang wanita, apabila telah baligh (mengalami haid), tidak layak tampak dari tubuhnya kecuali ini dan ini (seraya menunjuk muka dan telapak tangannya)."

Jelaslah bahawa, menutup aurat diwajibkan ke atas semua umat Islam terutamanya wanita, kerana di akhir zaman ini wanita adalah fitnah yang utama. Dengan memakai pakaian yang menutup aurat, seseorang wanita telah menunjukkan harga diri sebenar seorang wanita dan sekaligus menghindari perbuatan tidak senonoh di kalangan para lelaki terhadap wanita.

Wanita yang menutup aurat dan berpegang teguh dengan ajaran islam akan mendapat keredhaan Allah s.w.t dan lelaki akan memandang mereka dengan penuh rasa hormat dan memberi penghormatan yang tinggi bersesuaian dengan sifat mereka yang pemalu dan bersopan santun. Oleh itu, mereka mestilah menjaga dan menutup aurat dengan sempurna di alam nyata dan juga alam maya.

Gambar rajah 1. Pemakaian yang digariskan dalam Islam



Bagi lelaki, aurat yang wajib ditutup ialah kawasan di antara pusat dan lutut.


Antara pemakaian menutup aurat bagi lelaki ialah:

- Tidak terlalu nipis dan ketat hingga menampakkan bentuk tubuh badan.
- Menutup aurat antara pusat ke lutut.
- Pakaian tidak menyerupai perempuan.
- Tidak memakai pakaian dan perhiasan daripada sutera dan emas

Aurat perempuan pula meliputi seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan.

- Menampakkan muka sahaja
- Melabuhkan tudung menutupi dada
- Menutup hingga ke pergelangan tangan
- Pakaian tebal, longgar dan tidak menyerupai lelaki
- Menutup kaki

Gambar rajah 2. Pemakaian yang mengikut syariat Islam dalam media sosial



Aurat di media sosial sama juga seperti di luar rumah, iaitu hendaklah pakaian itu menutupi seluruh badan kecuali anggota yang bukan aurat dan hendaklah pakaian itu longgar dan tidak ketat serta. Contoh ini dapat menyedarkan dan memberi teladan kepada generasi moden untuk menjaga aurat dengan sempurna. Oleh kerana media sosial merupakan satu platform yang digunakan oleh semua masyarakat pada setiap hari, pengguna media sosial perlulah bijak dan memastikan gambar ataupun video yang dimuatnaik mestilah menutup aurat dengan sempurna supaya dapat menjaga dari pandangan ajnabi.

Pemakaian influencer dapat mempengaruhi masyarakat di media sosial terutamanya golongan muda untuk berpakaian sopan yang menutup aurat seperti yang disyariatkan dalam Islam. Hal ini demikian kerana, media adalah pengaruh yang terdekat dalam generasi kini dan memberi impak yang besar kepada pemakaian golongan muda. Jelaslah bahawa, pengaruh media sosial sangat penting bagi membentuk masyarakat yang menutup aurat dengan sempurna.

Kesimpulan

Kesimpulannya, agama Islam sangat menjaga maruah dan martabat umatnya dalam pelbagai aspek politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Panduan yang diajar oleh agama Islam di dalam Al-Quran dan Sunnah hendaklah dijadikan sebagai kayu pengukur dan garis panduan dalam kehidupan seharian. Media sosial juga kini tidak asing seperti Facebook, Twitter, Whatsapp yang merupakan media penting dalam penyebaran pelbagai informasi dan dan sumber berita. Pelbagai lapisan umur yang menggunakan media sosial ini. Daripada golongan dewasa dan juga kanak-kanak. Demikian itu sumber media alaf baru ini sangat memberi

pengaruh kepada masyarakat. Justeru, penjagaan aurat di dalam media sosial juga perlu kita sebagai umat Islam mengambil berat bagi menghindari perkara buruk yang tidak diinginkan berlaku. Hal ini kerana media sosial boleh menjadi sumber pahala atau dosa kepada umat Islam sekiranya benda baik atau sebaliknya menjadi ikutan masyarakat umum. Islam bukanlah agama yang tidak membenarkan umatnya mengikut perkembangan teknologi tetapi ia hendaklah sejajar mengikut tuntutan syarak dan menjaga segala perkara yang dilarang oleh agama. Pendek kata, penggunaan media sosial hendaklah berlandaskan prinsip Islam seperti menjaga tuntutan menutup aurat yang sempurna kerana Allah SWT maha berkuasa ke atas semua makhluknya dan berkuasa ke atas segala sesuatu perbuatan yang manusia lakukan.

Rujukan

- Abu Anas Madani. (2013, March 15). BATAS-BATAS AURAT DALAM ISLAM. Abu AnasMadani. <https://abuanasmadani.com/batas-batas-aurat-dalam-islam/>
- Aziz, M. F., & Makhsin, M. (2021). THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA ON STUDENT MORAL PERFORMANCE. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 74–82. <https://doi.org/10.35631/ijepc.642007>
- Farahwahida Mohd Yusof, & Nur Afzan Muhamad. (2010). *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*. ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/49910746_Aurat_Wanita_Muslim_Menurut_Perspektif_Islam_PenerimaanDan_Pengamalan_Di_Kalangan_Masyarakat
- Hamdan, A., Salleh, N., & Jasmi, K. A. PERGAULAN BEBAS DALAM MEDIA SOSIAL: ANCAMAN DAN PENYELESAIANNYA. *BIL 3 JILID*, 129.
- Juminem, J. (2019). ADAB BERMEDIA SOSIAL DALAM PANDANGAN ISLAM. *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(1), 23. <https://doi.org/10.32678/geneologipai.v6i1.1799>
- Kaiyisah Yusof. (2018). *Aurat Menurut Perspektif Islam*. Diakses pada November 10, 2022. Dari Slideshare.net. https://www.slideshare.net/kai_yusof/aurat-menurut-perspektif-islam
- Majlis Agama Islam Selangor, *Aurat vs Syariah : Adab di media Sosial Dan Iklan.*, Diakses pada November 12, 2022. Dari https://www.mais.gov.my/2022/04/22/aurat_vs_syariah_adab_di_media_sosial_dan_iklan/
- Nabila Ghaisani. (2021). PENGARUH PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TIK TOK TERHADAP PERILAKU KEAGAMAAN REMAJA DI KECAMATAN BLANGKEJEREN. *An Nadwah*, 27(2), 6–20. Diakses pada November 14, 2022. Dari <https://doi.org/10.37064/nadwah.v27i2.10980>
- Naim, M. (2019, August 18). *Aurat Wanita & Aurat Lelaki Dalam Islam (Panduan Lengkap)*. AKU ISLAM. Diakses pada November 14, 2022. Dari <https://akuislam.com/blog/fiqh/aurat-wanita-lelaki/#pengenalan>
- Nur afzan muhamad. (2010). *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*. *Aurat Wanita Muslim Menurut Islam*. Diakses pada November 15, 2022. Dari https://www.academia.edu/1284436/Aurat_Wanita_Muslim_Menurut_Perspektif_Islam_Penerimaan_Dan_Pengamalan_Di_Kalangan_Masyarakat

- Nur. (2022, July 22). *ETIKA MUSLIMAH DALAM BERDAKWAH DI MEDIA SOSIAL*. Diakses pada November 15, 2022. Dari ResearchGate; RDAKWAH_DI_MEDIA_SOSIAL
- Peranan Masjid di *Malaysia Era Kontemporari. E-Academia Journal UiTMT*, 2(1), 219–229. Diakses pada November 15, 2022. Dari <https://core.ac.uk/download/pdf/287744107.pdf>
- Romlah ramli Sejauh kebebasan dalam media sosial: peradaban sosial dan privasi dalam sempadan keagamaan. Diakses pada November 16, 2022. Dari <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/download/1361/925/4801>
- Sharifah Syahirah SS, Rus Shafinas Shafie, Mohd, & Hussein, N. (2016, August 13). *Gender Dan Islam Dalam Media Sosial Malaysia*. Diakses pada November 10, 2022. Dari ResearchGate; https://www.researchgate.net/publication/309039397_Gender_Dan_Islam_Dalam_Media_Sosial_Malaysia
- C. (2008, November 9). Aurat. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. Diakses pada November 13, 2022. Dari <https://ms.wikipedia.org/wiki/Aurat>
- Unit, T., Bahagian, K., & Masjid, P. (n.d.). “*MEMELIHARA MARUAH DALAM MEDIA SOSIAL*.” Diakses pada November 15, 2022. Dari [http://emasjid.jais.gov.my/uploads/uploads/25.06.2021%20\(RUMI\)%20MEMELIHARA%20MARUAH%20DALAM%20MEDIA%20SOSIAL.pdf](http://emasjid.jais.gov.my/uploads/uploads/25.06.2021%20(RUMI)%20MEMELIHARA%20MARUAH%20DALAM%20MEDIA%20SOSIAL.pdf)